

SH 7/1/2019 m/s 41

Polis Marin rampas 12 bubu naga

SABAK BERNAM - Sebanyak 12 bubu naga dirampas Pasukan Polis Marin (PPM) di sekitar perairan Laut Sekincin, jam 5.20 petang kelmarin.

Bubu naga adalah sejenis peralatan menangkap ikan yang boleh merosakkan ekosistem laut kerana turut memerangkap benih-benih ikan dan udang.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang, Deputy Superintendan Khairuddin Jamal berkata, semua peralatan itu dipasang di beberapa lokasi berbeza di kawasan berkenaan.

Menurutnya, Polis Marin yang ketika itu sedang dalam rondaan Op Pensura diketuai Sarjan V Krishnan telah menemui tiga pancang buluh

terapung berlampu.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati terdapat pukat bubu naga di bawah penanda. Pemantauan dan pemerhatian dilakukan hampir dua jam di kawasan tersebut, namun pemilik bubu didapati tidak datang ke lokasi dalam tempoh berkenaan.

"Polis Marin merampas 12 pasang pukat bubu naga tersebut yang tidak pernah mendapat kebenaran dan kelulusan daripada Pengarah Perikanan Negeri Selangor," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Khairuddin berkata, nilai rampasan kira-kira RM1,200 dan bubu naga itu dibawa balik ke Markas Operasi Pasukan Polis Marin Pelabuhan Klang untuk tindakan selanjutnya.